



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERSEPSI NELAYAN MELAYU TERHADAP PROGRAM  
PERIKANAN LAUT DALAM: SATU KAJIAN KES  
DI MERSING, JOHOR DARUL TAKZIM**

**MAHBIB HAIDER**

**FEM 1994 1**

**PERSEPSI NELAYAN MELAYU TERHADAP PROGRAM  
PERIKANAN LAUT DALAM: SATU KAJIAN KES  
DI MERSING, JOHOR DARUL TAKZIM**

Oleh

**MAHBIB HAIDER**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
daripada Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah  
Master Sains Di Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Pertanian Malaysia.**

**April 1994**



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Nazaruddin bin Mohd. Jali yang telah berpenat lelah membimbing serta memberi tunjuk ajar yang sepatutnya bagi membantu saya menyiapkan kajian ini. Penghargaan yang sama juga saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Pertanian Malaysia kerana turut menyumbangkan pandangan yang berharga mengenai beberapa perkara berkaitan dengan metodologi penyelidikan dan kaedah statistik yang digunakan dalam kajian saya. Tanpa nasihat dan pandangan mereka, kajian saya tidak mungkin dapat diselesaikan.

Saya ingin juga merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat-sahabat saya dan teman-teman sepengajian saya yang telah memberi sokongan moral dan pandangan kepada saya semasa menyiapkan kajian ini. Perasaan yang sama juga perlu diberi kepada belia-belia kampung di dalam kawasan kajian yang telah membantu mengutip data menerusi temubual dengan responden kajian. Tanpa mereka, kajian ini juga tidak mungkin dapat dilaksanakan. Kepada isteri saya Salbiah serta anak-anak - Sharidah, Shuhadah, Solihin dan Shahidatul Akmar; terima kasih diucapkan atas galakan, sokongan dan kesabaran yang telah mereka berikan kepada saya.

Kesemua mereka yang disebutkan di atas telah, secara langsung dan tidak langsung, memberi sumbangan yang besar terhadap penyediaan tesis ini dengan jayanya. Terima kasih sekali lagi.



# JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN .....	ii	
SENARAI JADUAL .....	vii	
SENARAI GAMBARAJAH .....	viii	
ABSTRAK .....	ix	
ABSTRACT .....	xi	
<b>BAB</b>		
<b>1</b>	<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
	Latar Belakang .....	1
	Pandangan Umum Mengenai Pembangunan .....	1
	Pembangunan Perikanan Laut Dalam Secara Ringkas .....	3
	Pernyataan Masalah .....	5
	Objektif Kajian .....	8
	Hipotesis Kajian .....	8
	Soalan-Soalan Kajian .....	9
	Kepentingan Kajian .....	11
	Pengoperasian Konsep .....	13
	Konsep Nelayan .....	13
	Persepsi .....	14
	Diri .....	14
	Situasi .....	15
	Konsep-konsep Lain .....	15
<b>2</b>	<b>SOROTAN BAHAN BERTULIS .....</b>	<b>18</b>
	Latar Belakang Teoritis .....	18
	Persepsi Dan Kognitif Individu .....	21
	Pembentukan Persepsi Dalam Individu .....	23
	Persepsi Dari Sudut Pembelajaran dan Pengetahuan .....	23
	Persepsi Individu Terhadap Realiti Hidup .....	26
	Persepsi Dan Faktor-faktor Mempengaruhinya ....	28
	Ulasan Kajian-kajian Berkaitan .....	34
	Ulasan Umum Mengenai Kerjaya Hidup Nelayan .	34
	Ciri-ciri Latar Belakang Diri .....	39
	Situasi Luaran .....	42



<b>3</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b> .....	<b>51</b>
	Kerangka Konseptual Kajian .....	51
	Pembolehubah Kajian .....	53
	Pembolehubah Sandar .....	53
	Pembolehubah Bebas .....	53
	Kawasan Kajian .....	58
	Skop Kajian .....	61
	Kaedah Persampelan .....	63
	Soal Selidik .....	66
	Prauji Soal Selidik .....	69
	Penganalisaan Data .....	71
	Tahap Keertian .....	74
	Masalah Kajian .....	75
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b> .....	<b>77</b>
	Pola Penglibatan Nelayan Melayu	
	Di Sektor Perikanan .....	77
	Status Guna Tenaga Responden .....	77
	Umur .....	79
	Tahap Pendidikan .....	80
	Tempoh Pengalaman Kerja .....	81
	Tahap Kemahiran Kerja .....	82
	Bilangan Tanggungan Keluarga .....	84
	Tahap Keahlian Dalam Persatuan .....	85
	Tahap Pendapatan .....	86
	Lesen Bot .....	90
	Tahap Keupayaan Bot .....	91
	Jarak Operasi Di Laut .....	93
	Tempoh Operasi Di Laut .....	94
	Tahap Ganjaran Kerja .....	96
	Tahap Penerimaan Kemudahan Kerajaan .....	98
	Tahap Pengalaman Buruk Di Laut .....	102
	Tahap Ketakutan Di Laut .....	103
	Tahap Ikatan Sosial .....	106
	Persepsi Nelayan Melayu Terhadap PLD .....	109
	Pengujian Hipotesis 1 .....	112
	Umur .....	112
	Tahap Pendidikan .....	114
	Bilangan Tanggungan Keluarga .....	116
	Tempoh Pengalaman Kerja .....	117
	Tahap Kemahiran Kerja .....	118
	Tahap Keupayaan Bot .....	119
	Jarak Operasi .....	120
	Tempoh Operasi .....	120
	Tahap Keahlian Dalam Persatuan .....	121

	Tahap Pendapatan Perikanan .....	122
	Kesimpulan Pengujian Hipotesis 1 .....	123
	Pengujian Hipotesis 2 .....	124
	Tahap Ganjaran Kerja .....	124
	Tahap Kemudahan Kerajaan .....	125
	Tahap Pengalaman Buruk Di Laut .....	126
	Tahap Ketakutan Di Laut .....	127
	Tahap Ikatan Sosial .....	128
	Kesimpulan Pengujian Hipotesis 2 .....	128
	Analisis Regresi Berganda Persepsi Terhadap FLD ..	129
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN .....</b>	<b>136</b>
	Ringkasan dan Kesimpulan Kajian .....	136
	Ringkasan Hasil Kajian .....	136
	Kesimpulan Kajian .....	143
	Cadangan Kajian .....	147
	Implikasi Untuk Perancangan Pembangunan PLD .....	147
	Cadangan Untuk Perancangan Pembangunan PLD .....	152
	Pandangan Semula Konsep Pembangunan .....	152
	Skim Gaji Nelayan .....	155
	Jaminan Keselamatan .....	157
	Pendidikan .....	158
	Kemudahan Pinjaman Untuk Pemilik Bot .....	160
	Umur .....	162
	Penempatan Semula Nelayan .....	164
	Penglibatan Swasta .....	166
	Implikasi Untuk Kajian Akan Datang .....	167
	RUJUKAN .....	170
	LAMPIRAN .....	180
	LATAR DIRI .....	195

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Bilangan Sampel Terpilih Mengikut Mukim .....	66
2	Hasil Prauji Soal Selidik Ke Atas 20 Nelayan Melayu .....	71
3	Taburan Peratus Responden Mengikut Status Gunatenaga .....	78
4	Peratusan Taburan Responden Mengikut Kategori Nelayan .....	78
5	Peratusan Taburan Responden Mengikut Umur ...	79
6	Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan .....	80
7	Peratusan Taburan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Kerja .....	82
8	Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Kemahiran Kerja .....	83
9	Peratusan Taburan Responden Mengikut Bilangan Tanggungan .....	85
10	Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Keahlian Dalam Persatuan .....	86
11	Peratusan Taburan Responden Mengikut Pendapatan Dari Sumber Perikanan dan Pendapatan Termasuk Sumber Lain .....	87
12	Peratusan Taburan Responden Mengikut Kepuasan Terhadap Pendapatan Perikanan .....	90
13	Peratusan Taburan Responden Mengikut Lesen Bot .....	91
14	Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Keupayaan Bot Yang Dikerjakan .....	92
15	Peratusan Taburan Responden Mengikut Jarak Operasi Di Laut .....	93
16	Peratusan Taburan Responden Mengikut Tempoh Operasi Di Laut .....	94

Jadual	Muka Surat
17 Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Ganjaran Kerja .....	97
18 Peratusan Taburan Responden Mengikut Pilihan Ganjaran Kerja Paling Penting .....	98
19 Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Penerimaan Kemudahan Kerajaan .....	99
20 Peratusan Taburan Responden Mengikut Pilihan Kemudahan Kerajaan Paling Penting .....	100
21 Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Pengalaman Buruk Di Laut .....	102
22 Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Ketakutan Ketika Berada Di Laut .....	104
23 Peratusan Taburan Responden Mengikut Pilihan Kejadian Paling Ditakuti .....	105
24 Peratusan Taburan Responden Mengikut Tahap Ikatan Sosial .....	107
25 Peratusan Taburan Responden Mengikut Pilihan Ingatan Paling Tinggi .....	108
26 Peratusan Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap PLD .....	110
27 Peratusan Taburan Responden Mengikut Minat Untuk Menyertai PLD .....	111
28 Korelasi 'r' Antara 10 Pembolehubah Terpilih Ciri-ciri Latar Belakang Diri Dengan Persepsi Nelayan Melayu Terhadap PLD .....	113
29 Korelasi 'r' Antara Lima Pembolehubah Terpilih Situasi Luaran Dengan Persepsi Nelayan Melayu Terhadap PLD .....	125
30 Analisis Regresi 15 Pembolehubah Bebas Terpilih Ke Atas Pembolehubah Sandar .....	131





## SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah	Muka Surat
1   Rangka Konseptual Kajian .....	52
2   Peta Semenanjung Malaysia Yang Menunjukkan Negeri Johor Darul Takzim dan Daerah Mersing .....	59
3   Peta Daerah Mersing Yang Menunjukkan Lima Mukim Yang Dipilih Sebagai Kawasan Kajian .....	62



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains.

**PERSEPSI NELAYAN MELAYU TERHADAP PROGRAM PERIKANAN  
LAUT DALAM: SATU KAJIAN KES DI MERSING,  
JOHOR DARUL TAKZIM**

Oleh

**MAHBIB HAIDER**

April, 1994

**Pengerusi : Prof. Madya Nazaruddin Hj. Mohd. Jali, Ph.D.**

**Fakulti : Fakulti Ekologi Manusia**

Tumpuan kajian ialah mengenai persepsi terhadap perikanan laut dalam (PLD) di kalangan nelayan Melayu di Mersing, Johor. Objektif umum kajian ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor terpilih yang menentukan persepsi mereka. Objektif khusus kajian ialah untuk melihat sama ada wujud pertalian antara 15 pembolehubah bebas iaitu umur, pendidikan, bilangan tanggungan, pengalaman kerja, kemahiran kerja, keahlian dalam persatuan, pendapatan perikanan, keupayaan bot, jarak operasi, tempoh operasi, ganjaran kerja, kemudahan Kerajaan, pengalaman buruk di laut, ketakutan di laut dan ikatan sosial dengan pembolehubah sandar iaitu persepsi mereka terhadap PLD.

Kaedah statistik yang digunakan dalam analisis ialah korelasi Pearson 'r' dan regresi berganda. Kekerapan, peratusan dan tabulasi silang digunakan bagi tujuan deskriptif ke atas latar belakang responden dan situasi luaran yang terlibat.

Analisis korelasi menunjukkan bahawa enam daripada 15 pembolehubah bebas mempunyai pertalian bererti dengan persepsi terhadap PLD. Lima daripadanya iaitu umur, pengalaman kerja, kemahiran kerja, ganjaran kerja dan penerimaan kemudahan Kerajaan mempunyai pertalian positif dengan persepsi terhadap PLD. Satu pembolehubah lain iaitu ikatan sosial pula menunjukkan pertalian yang negatif. Analisis regresi menunjukkan bahawa hanya lima pembolehubah bebas penting bagi menentukan persepsi terhadap PLD. Antara lima pembolehubah tersebut, jarak operasi merupakan yang terpenting dan diikuti oleh ikatan sosial, umur, ganjaran kerja dan keupayaan bot. Secara keseluruhannya, persepsi responden terhadap kerjaya PLD adalah menggalakkan. Lebih kurang satu pertiga daripada mereka berminat untuk menyertai atau kekal dalam kerjaya tersebut. Kurang satu perempat pula tidak berminat langsung dan kurang berminat menyertainya. Hampir separuh pula tidak dapat membuat pilihan. Faktor latar belakang diri yang terpenting yang menentukan persepsi mereka adalah jarak operasi, umur dan keupayaan bot. Faktor situasi luaran terpenting pula adalah ikatan sosial dan ganjaran kerja.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**PERCEPTION OF MALAY FISHERMEN TOWARDS DEEP-SEA  
FISHING PROGRAMME: A CASE STUDY IN MERSING,  
JOHOR DARUL TAKZIM**

**By**

**MAHBIB HAIDER**

**April, 1994**

**Chairman: Assoc. Professor Nazaruddin Hj. Mohd. Jali, Ph.D.**

**Faculty: Faculty of Human Ecology**

The focus of this study is on perception towards deep-sea fishing (DSF) among the Malay fishermen in Mersing, Johore. The general objective is to identify factors which influence the fishermen perception. Its main objective is to see whether there are any relationships between 15 independent variables - age, education, number of dependants, work experience, work skills, membership in association, income from fishing, capacity of boats, distance of operations, duration at sea, rewards, Government facilities, bad experiences at sea, fear of the sea and social ties - with the perception towards DSF as the dependent variable.

Statistical techniques used for the analysis of data are Pearson's correlation 'r' and multiple regression. Frequencies, percentages and crosstabulation are used for descriptive purposes.

The correlation analysis indicate that six out of 15 independent variables have significant relationships with perception towards DSF. out of them - age, work experience, work skills, rewards and adoption of



Government facilities - are positively related. Social ties is negatively related. The multiple regression analysis indicate that five out of the 15 independent variables are important in predicting the dependent variable. Of the five, distance of operations represents the most important independent variable, followed in ascending order by social ties, age, reward and the capacity of boats.

On the whole, the perception of Malay fishermen towards DSF is quite encouraging. About one-third of them shows their inclination towards participating in the programme and not less than one-fourth either have no interest at all or are not very interested in participating. About half are undecided about it. These results implicate that the distance of operation, age of respondents and the strength of boats are the personal characteristics which are important in determining perception towards DSF. Social ties and rewards are the external factors which are influential.



# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **Latar Belakang**

#### **Pandangan Umum Mengenai Pembangunan**

Pembangunan negara selalunya dikaitkan dengan pembangunan infrastruktur dan peruntukan kewangan yang disediakan untuknya sebagai asas kepada pertumbuhan ekonomi. Namun demikian, kejayaan untuk mencapai matlamat pembangunan juga ditentukan oleh unsur manusia yang menjadi kelompok sasar kepada program berkenaan.

Unsur manusia perlu diketengahkan dalam membicarakan tentang pembangunan negara kerana objektif pembangunan pada hakikatnya adalah untuk manusia. Pembangunan yang sebenar hanya berlaku jika hasil dan akibat pembangunan tersebut dinikmati dan disertai secara optimum oleh individu yang menjadi kelompok sasanya. Usaha untuk memahami erti pembangunan harus dilihat dari sudut manusia secara menyeluruh dan hubungan mereka dengan aspek-aspek hidup dan persekitaran. Ini kerana pembangunan merupakan satu proses menyeluruh yang melibatkan komponen-komponen sosial yang merujuk kepada aspek-aspek kemanusiaan dan persekitaran (Seers, 1973; Srinivasan, 1977).

Pada hakikatnya, tiada peruntukan kewangan dan tiada kuasa Kerajaan boleh meningkatkan lagi tahap pembangunan sekiranya mereka yang menjadi kelompok sasar kepada programnya tidak mempunyai komitmen yang kukuh, dari segi fizikal dan psikologi terhadap

pelaksanaannya (Esminger, 1975; MCDS, 1975). Ini bermakna bahawa meskipun Kerajaan boleh menyediakan berbagai-bagai kemudahan bagi mempergiat aktiviti pembangunan di negara ini, kejayaannya tetap bergantung kepada usaha dan aspek-aspek psikologi mereka seperti persepsi, kecenderungan, citarasa, motif kerja dan halangan-halangan luaran yang lain.

Dari konteks pembangunan perikanan laut dalam (PLD) di negara ini, terdapat dua set data yang mencerminkan masalah psikologi kelompok sasar. Pertama, sehingga 1992 sebanyak 997 lesen laut dalam telah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia tetapi dari jumlah tersebut hanya 524 buah bot laut dalam sahaja yang beroperasi (Utusan Malaysia, 13 Ogos 1993). Kedua, sejak tahun 1987 sehingga akhir tahun 1989, Jabatan Perikanan Malaysia telah melatih seramai 696 pelatih nelayan laut dalam di Institut Latihan Perikanan di Batu Maung, Pulau Pinang. Namun demikian, selepas latihan hanya 10 peratus sahaja daripada mereka yang didapati bekerja di laut dalam, sedangkan 50 peratus bekerja sebagai nelayan pantai dan bakinya iaitu 40 peratus bekerja sama ada dalam bidang yang berkaitan dengan perikanan atau di luar sektor perikanan (Jabatan Perikanan, 1990).

Masalah pertama yang ditonjolkan di atas disebabkan oleh dua faktor. Pertama, kekurangan modal kerana pengusaha sukar mendapat pinjaman disebabkan ketiadaan harta untuk dijadikan cagaran. Kedua, pengusaha sukar mendapat pekerja tempatan. Masalah kedua tidak mudah dijawab kerana kemungkinan terdapat sebab-sebab yang menyentuh soal peribadi atau personaliti kelompok sasar. Namun begitu,

isu yang paling ketara dalam kedua-dua contoh tersebut tidak dinafikan mempunyai kaitan dengan aspek-aspek psikologi kelompok sasaran.

Pandangan ini selaras dengan pendapat Brembeck dan Howell (1972) yang menekankan bahawa segala usaha untuk menarik minat manusia terhadap satu perubahan mungkin kurang berjaya jika persepsi mereka terhadapnya kurang dapat dijangkakan. Pemahaman kepada soal-soal persepsi boleh mengenal pasti pandangan, pendirian, citarasa dan kecenderungan individu terhadap objek dalam realiti hidup. Hal yang sama juga dinyatakan oleh Linton (1952) yang berpendapat bahawa sekiranya kita mengenali kelompok sasaran dari segi norma, nilai dan sikap mereka, kita sudah boleh menjangkakan sama ada mereka akan menerima atau menolak program yang bakal atau sudah dijalankan.

### **Pembangunan Perikanan Laut Dalam Secara Ringkas**

Sektor perikanan memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dari segi sumbangannya sebagai sumber protein utama yang paling murah, sumber pekerjaan dan sumber pertukaran wang asing untuk negara (Labon, 1974). Sektor ini memberi peluang pekerjaan secara langsung kepada 92,526 orang nelayan iaitu 4.6 peratus daripada kadar tenaga aktif dalam sektor pertanian, tidak termasuk penyediaan peluang pekerjaan dalam perniagaan berteraskan perikanan yang amat menguntungkan. Sektor ini menyumbangkan nilai imbalan pertukaran wang asing berjumlah RM\$127.3 juta kepada negara di dalam tahun 1987 (Kementerian Pertanian, 1988).



Beberapa kajian menunjukkan bahawa perusahaan perikanan negara khususnya di Semenanjung Malaysia telah mengalami banyak perubahan dari segi kejenteraan bot dan teknologi yang digunakan (Yap Chan Ling, 1976; S. Husin Ali, 1979). Pembangunan perikanan negara sebenarnya telah bermula sejak penggunaan pukot jerut diperkenalkan di kalangan nelayan Pantai Barat Semenanjung (Elliston, 1971). Perkembangannya kemudian menjadi semakin pesat apabila penggunaan pukot tunda diperkenalkan pada tahun 1965 (Kementerian Pertanian, 1979). Namun begitu, perkembangan teknologi ini telah mengakibatkan sumber perikanan di kawasan perairan negara, terutama sekali di Pantai Barat Semenanjung semakin berkurangan akibat daripada kegiatan penangkapan ikan yang berlebihan (Pathansali, 1976; Yap Chin Ling, 1977; Lawson, 1978).

Pembangunan perikanan berkembang lagi dengan terlancarnya program Perikanan Laut Dalam (PLD) apabila negara mengisytiharkan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif dalam tahun 1984. Ini membolehkan perairan negara ditambah daripada 47,000 batu nautika kepada 160,000 batu nautika (Hamzah, 1988; Jabatan Perikanan, 1989a). Keluasan perairan negara yang meningkat ini memerlukan penerokaan dan pada tahun 1987, Kerajaan secara rasminya mengisytiharkan penerokaan laut dalam untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran dan pendapatan perikanan negara.

Pelancaran program PLD membolehkan nelayan negara menerokai perairan yang lebih luas dan hasil tangkapan ikan yang diperolehi dijamin akan memberi pendapatan yang agak lumayan. Selain dari matlamat untuk mempertingkatkan daya pengeluaran dan

pendapatan perikanan negara, program PLD juga akan menggalakkan nelayan khususnya nelayan Melayu agar menukar cara menangkap ikan daripada cara tradisional kepada penangkapan cara moden dan lebih produktif. Program PLD akan membuat bot yang mempunyai alat penangkapan moden yang kini masih banyak tertumpu di sekitar pinggir pantai negara menukar haluan operasi menangkap ikan di kawasan perairan laut dalam negara.

Pada masa yang sama, program PLD juga bertujuan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, termasuk juga golongan nelayan. Langkah Kerajaan melancarkan program PLD ini telah memungkinkan kawasan perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia diterokai secara maksimum oleh para nelayan tempatan. Kawasan perairan laut dalam di sebelah Pantai Timur Semenanjung adalah lebih luas dan dipercayai kaya dengan sumber perikanan tetapi amat kurang diterokai oleh nelayan negara (Labon, 1974; Lockwood dan Ruddle, 1977; Galenson, 1980).

### **Penyataan Masalah**

Masalah yang menjadi tumpuan asas di dalam kajian ini ialah persoalan kenapa kurangnya penglibatan nelayan-nelayan Melayu di dalam program PLD. Sumber Kementerian Pertanian yang dipetik daripada akhbar Berita Harian (Isnin 1 Jan 1990) melaporkan bahawa program PLD kini telah mendapat sambutan yang menggalakkan tetapi penyertaan daripada kalangan nelayan Melayu masih kecil.

Pelbagai skim bantuan dan perkhidmatan perikanan ada disediakan bagi nelayan-nelayan Melayu merintis jalan menceburi kerjaya PLD. Namun begitu, masih ramai nelayan Melayu yang tidak menyertai program PLD yang dilancarkan Kerajaan. Kaedah penangkapan ikan masih banyak lagi yang berbentuk tradisional dan tertumpu kepada aktiviti menangkap ikan di pinggiran pantai (Mohammad Raduan, 1988). Selain itu, terdapat juga bot-bot laut dalam yang tidak menerokai perairan laut dalam secara optimum, malah ada juga yang menceroboh menangkap ikan di kawasan pinggiran pantai yang dikhaskan untuk nelayan tradisional. Persoalan juga timbul sama ada nelayan Melayu masih belum mempunyai keyakinan, kesedaran dan kepercayaan diri untuk menerokai perairan laut dalam. Masalah-masalah inilah yang cuba hendak dijawab melalui kajian ini.

Jawaban kepada permasalahan di atas boleh dilihat dari sudut persepsi nelayan Melayu terhadap kerjaya di sektor PLD. Nelayan Melayu seperti individu yang lain akan sering membuat perkiraan mengikut kaca mata tertentu bagi menetapkan sama ada sesuatu itu baik dan sesuai atau sebaliknya sebelum membuat keputusan dalam apa juga kerja dalam hidup. Dalam proses membuat keputusan tersebut, nelayan Melayu bukan sahaja dipengaruhi oleh tekanan dalam diri tetapi juga oleh tekanan di luar diri yang tidak dapat mereka kuasai. Terdapat juga nelayan yang berminat bekerja di laut dalam tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana pelbagai masalah seperti umur tua, dan serba kekurangan dari segi pengalaman, kemahiran, kewangan dan kemudahan yang sedia ada.

Pelbagai faktor seperti kekurangan dari sudut kesedaran, inisiatif, pengalaman dan kemahiran sering dianggap menyebabkan kurangnya nelayan Melayu bekerja di laut dalam. Namun begitu, adakah dengan hanya mengatasi kekurangan-kekurangan tersebut sudah mencukupi bagi menarik minat mereka menyertai sektor PLD? Pendapat umum ada menekankan bahawa semangat yang gigih dan hati yang tabah juga penting di dalam memupuk kecenderungan untuk bekerja di laut dalam. Terdapat juga pendapat bahawa antara sifat yang perlu ada pada nelayan laut dalam adalah keberanian dalam menghadapi gelora laut, ketabahan menghadapi dugaan dan kesanggupan meninggalkan keluarga untuk keluar beroperasi di laut (Jabatan Perikanan, 1988).

Semua faktor di atas bergantung kepada interpretasi nelayan yang terlibat - soal bagaimana mereka membuat kesimpulan tentang diri dan persekitaran mereka berdasarkan pengalaman dan kepercayaan mereka. Ini dapat dilihat menerusi persepsi mereka tentang sesuatu fenomena kerana tingkah laku boleh dipengaruhi oleh persepsi terhadap situasi tertentu (Ashworth, 1979). Soal persepsi penting kerana pada hakikatnya, tindakan atau interaksi mereka dengan suatu aspek hidup ada kaitannya dengan pemikiran subjektif mereka terhadap situasi hidup. Kajian ini mempunyai pendekatan untuk melihat pandangan nelayan Melayu terhadap PLD menerusi konsep persepsi.

### **Objektif Kajian**

Pada amnya, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meninjau persepsi nelayan Melayu terhadap kerjaya di sektor PLD. Objektif-objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk meneliti latar belakang dan pola penglibatan masa kini nelayan Melayu di sektor perikanan;
2. Untuk mengkaji pertalian antara ciri-ciri latar belakang diri nelayan Melayu dengan persepsi mereka terhadap PLD;
3. Untuk mengkaji pertalian antara jenis-jenis situasi luaran yang dihadapi oleh nelayan Melayu dengan persepsi mereka terhadap PLD; dan
4. Untuk menyediakan rumusan dan mengemukakan cadangan bagi tujuan pembangunan serta kemajuan PLD di masa akan datang.

### **Hipotesis Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk eksploratori untuk meninjau perkara-perkara yang berkaitan dengan persepsi nelayan Melayu terhadap PLD. Perkara ini diharap akan membantu mengenal pasti masalah-masalah yang mereka hadapi untuk menyertai sektor PLD. Di samping itu, kajian juga cuba melihat hubungkait antara fenomena tertentu menerusi pengujian hipotesis seperti berikut:

1. Persepsi nelayan Melayu terhadap PLD tidak ada pertalian dengan faktor-faktor berikut:
  - a. umur,
  - b. tahap pendidikan,
  - c. tempoh pengalaman kerja sebagai nelayan,
  - d. tahap kemahiran kerja sebagai nelayan,
  - e. bilangan tanggungan keluarga,
  - f. tahap keupayaan bot digunakan,
  - g. jarak operasi di laut,
  - h. tempoh operasi di laut,
  - i. tahap keahlian dalam persatuan, dan
  - j. tahap pendapatan perikanan yang diperolehi.
  
2. Persepsi nelayan Melayu terhadap PLD tidak ada pertalian dengan faktor-faktor berikut:
  - a. tahap ganjaran kerja yang diperolehi,
  - b. tahap kemudahan Kerajaan yang diperolehi,
  - c. tahap pengalaman buruk di laut,
  - d. tahap ketakutan di laut, dan
  - e. tahap ikatan sosial.

### **Soalan-soalan Kajian**

Kajian ini juga menggunakan beberapa soalan utama yang berkaitan dengan kerjaya nelayan Melayu. Soalan-soalan ini adalah seperti berikut:

1. Apakah bentuk pola penglibatan nelayan Melayu di sektor PLD?

2. Adakah persepsi nelayan Melayu terhadap kerjaya PLD dipengaruhi oleh latar belakang diri seperti berikut:
  - a. umur,
  - b. tahap pendidikan,
  - c. tempoh pengalaman kerja sebagai nelayan,
  - d. taraf kemahiran kerja sebagai nelayan,
  - e. bilangan tanggungan keluarga,
  - f. tahap keupayaan bot yang dikerjakan,
  - g. jarak operasi di laut,
  - h. tempoh operasi di laut,
  - i. tahap keahlian dalam persatuan, dan
  - j. tahap pendapatan perikanan yang diperolehi.
  
3. Adakah persepsi nelayan Melayu terhadap PLD dipengaruhi oleh situasi luaran berikut:
  - a. tahap ganjaran kerja yang diperolehi,
  - b. tahap kemudahan Kerajaan yang diperolehi,
  - c. tahap pengalaman buruk di laut,
  - d. tahap ketakutan di laut, dan
  - e. tahap ikatan sosial.
  
4. Adakah terdapat perbezaan persepsi nelayan Melayu terhadap kerja di sektor PLD mengikut faktor-faktor berikut:
  - a. umur,
  - b. tahap pendidikan,
  - c. tempoh pengalaman kerja sebagai nelayan,
  - d. tahap kemahiran kerja sebagai nelayan,
  - e. bilangan tanggungan keluarga,

- f. tahap keupayaan bot dikerjakan,
  - g. tempoh operasi di laut,
  - h. tahap pendapatan perikanan,
  - i. tahap keahlian dalam persatuan,
  - j. tahap ganjaran kerja yang diperolehi,
  - k. tahap kemudahan Kerajaan yang diperolehi,
  - l. tahap pengalaman buruk di laut,
  - m. tahap ketakutan di laut, dan
  - n. tahap ikatan sosial.
5. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan Melayu untuk kerja di sektor PLD?

### **Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai nelayan Melayu dan kerjaya mereka masih kurang mendapat perhatian khusus dalam kajian- kajian lalu, apatah lagi mengenai persepsi mereka terhadap program PLD yang baru dilancar oleh Kerajaan. Kajian-kajian lalu yang pernah dijalankan mengenai nelayan Melayu lebih tertumpu kepada hal-hal berkaitan dengan struktur sosio-ekonomi, sumber fizikal dan kewangan. Masanya telah sampai bagi mengkaji mereka dari sudut psikologi sosial untuk mengenal pasti pandangan mereka terhadap kerjaya nelayan dan minat mereka untuk menyertai bidang kerjaya yang lebih maju dan mencabar seperti PLD. Langkah ini akan meluaskan lagi skop penyelidikan dan meningkatkan aliran pemikiran sains sosial mengenai isu-isu pembangunan desa di kalangan nelayan Melayu.



Walaupun kajian ini sebahagian besarnya berbentuk eksploratori, ia amat berfaedah dijalankan kerana kerjaya di sektor PLD masih dianggap baru bagi sebahagian besar nelayan Melayu. Justeru itu, pengetahuan mengenai persepsi nelayan Melayu terhadap kerjaya PLD penting diambil kira bagi meninjau aspirasi, nilai, kecenderungan, komitmen kerja dan masalah yang mereka hadapi.

Kajian persepsi telah berkembang dalam bidang psikologi dan berpotensi digunakan sebagai alat penting bagi meninjau pengalaman individu bagi menjangkakan tingkah laku (Hochberg, 1978). Bagi menjangkakan nya, kita perlu memahami bagaimana semua individu mempersepsikan aspek-aspek hidup dan kerjaya mereka bagi membentuk tingkah laku dan motivasi kerja mereka.

Kajian ini akan memperlihatkan sama ada nelayan Melayu mempunyai minat dan semangat yang kuat untuk menyertai PLD di masa akan datang. Kajian ini juga akan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan mereka di sektor PLD. Maklumat ini akan memungkinkan beberapa langkah wajar diambil bagi meningkatkan lagi penyertaan mereka dalam kerjaya PLD. Hal ini berfaedah bagi tujuan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pembangunan program PLD di masa akan datang terutamanya bagi membolehkan mereka menyertainya. Dari segi ilmiah, hasil kajian diharap dapat menambah maklumat dan pengetahuan dalam bidang berkenaan. Kajian ini juga berfaedah kepada kajian-kajian lain di masa akan datang khususnya dari segi penggunaan pendekatan, metodologi kajian dan konsep kajian yang baru.